

## CIRI-CIRI TARIKAN PELANCONGAN DI PANTAI CAHAYA BULAN, KOTA BHARU, KELANTAN

Prof Madya Dr. Remali Yusoff<sup>1,a</sup>, Nor'Azurah Md Kamdari<sup>2,b</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Perniagaan, Ekonomi & Perakaunan  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

<sup>a</sup>remyuf@ums.edu.my, <sup>b</sup>mrosazurah@gmail.com

**Kata kunci:** Industri pelancongan; Pantai Cahaya Bulan; pelancongan pantai.

**Abstrak.** Pelancongan merupakan sektor yang penting dalam menjana pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara. Bentuk muka bumi di sesuatu kawasan merupakan faktor penting di dalam menjadikan kawasan tersebut sebuah kawasan pelancongan. Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, merupakan sebuah daerah yang terletak di negeri Kelantan. Di situ terdapatnya kawasan laut yang amat cantik untuk dijadikan tempat tarikan pelancong. Pelancongan pantai adalah merupakan salah satu tarikan yang unik dalam industri ini kerana keadaan pantai semulajadi yang cantik telah menarik minat pelancong dari luar negara untuk datang melancong ke negara ini. Di sini, kerajaan perlu mengambil langkah di dalam mempertingkatkan dan menaiktaraf kemudahan di kawasan pelancongan. Oleh yang demikian, kajian ini dibuat untuk melihat faktor yang menarik minat kedatangan pelancong ke kawasan pantai. Untuk mencapai matlamat ini, satu kajian dilakukan di Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan. Berdasarkan kepada 150 responden yang dipilih secara rawak, hasil kajian mendapati bahawa kepuasan merupakan faktor utama kedatangan pelancong tempatan dan asing ke kawasan Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu. Oleh yang demikian, aspek kebersihan dan kecantikan serta keselesaan kawasan Pantai Cahaya Bulan dan kemudahan perjalanan ke tempat destinasi merupakan aspek utama yang harus difokuskan bagi menjamin kedatangan pelancong ke kawasan pantai tersebut.

### PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber alam semulajadi yang indah. Kewujudan dan keunikan flora serta faunanya adalah anugerah Allah yang tidak ternilai. Pada masa yang sama, Malaysia juga mempunyai kawasan pesisiran pantai cantik dan menarik. Keadaan pesisiran pantai yang indah dan menyamankan merupakan aset penting negara dalam usaha negara menarik pelancong tempatan dan luar negara datang mengunjung dan menginap di Malaysia. Keadaan pesisiran pantai dan pulau yang wujud di Malaysia umumnya dan di Kelantan khususnya telah menjadi tumpuan kepada pelancong tempatan dan asing sebagai destinasi pelancongan utama mereka. Anugerah alam yang tiada ternilai ini telah menjadikan Malaysia dan Kelantan antara sebuah negara dan negeri sebagai tempat percutian mereka. Justeru itu, telah mendorong keajaian dan agensi-agensi yang berkaitan berusaha gigih dalam membantu mempromosikan dan memperkenalkan Malaysia dan Kelantan di seluruh dunia. Di antara usaha yang telah diambil seperti Tahun Melawat Malaysia, Tahun Melawat Kelantan, Fiesta Flora, Pesta Wau Antarabangsa dan festival yang lain telah dapat membantu menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing untuk bercuti di Malaysia dan Kelantan khususnya. Cara ini dapat membantu Malaysia dan Kelantan sebagai tempat percutian dan pelancongan yang utama dan mempesonakan.

Sektor pelancongan bukan sahaja dapat membantu meningkatkan dan menambahkan sumber pendapatan negara bahkan dapat memperkenalkan Malaysia secara lebih dekat dan tepat tentang Malaysia. Kedatangan pelancong asing ke Malaysia amnya dan Kelantan khususnya telah banyak membantu dalam meningkatkan pendapatan negara dari segi pertukaran asing. Oleh yang demikian, sektor ini merupakan salah satu sektor utama dan penting kepada pembangunan ekonomi negara. Justeru itu, sektor pelancongan termasuk dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKEA) dan boleh memberi peningkatan pertumbuhan ekonomi utama bagi negara, sesebuah negeri dan kawasan. Namun begitu, sektor pelancongan terutamanya pelancongan kawasan pantai telah lama wujud akan tetapi masih terdapat kekurangan dan perlu kepada penambahbaikan supaya ianya lebih signifikan serta dikenali oleh semua golongan termasuk pelancong tempatan dan asing dari luar negara. Pelancongan kawasan pantai di sesetengah negeri masih ada lagi, terutama Kelantan masih banyak yang terbiar dan tidak dibangunkan dengan sempurna. Pembangunan sektor ini bukan sahaja dapat membantu menarik pelancong ke kawasan pantai malahan dapat membantu menambah pendapatan isi keluarga setempat melalui pelbagai bentuk kegiatan ekonomi seperti perniagaan dan lain-lain. Kini kemasukan pelancong asing selain pelancong tempatan telah menunjukkan arah tuju yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini terbukti dengan kemasukan pelancong asing ke Malaysia pada tahun 2016 adalah seramai 30 juta berbanding 17.6 juta orang pada tahun 2006. Kelantan pulamenerima kedatangan pelancong sebanyak 6.0 juta orang pada tahun 2017 berbanding 3.8 juta orang pada tahun 2006. Oleh itu, sektor pelancongan perlulah diperluaskan ke seluruh negara bagi membangunkan kawasan yang berpotensi besar menjadi pusat pelancongan yang unggul pada masa kini dan hadapan.

### PENYATAAN PERMASALAHAN

Padamasa ekonomi dunia dan kelemahan ekonomi tempatan masa kini, industri pelancongan merupakan salah satu sektor penting kepada pertumbuhan dan pembangunan negara disamping dapat meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Secara amnya dan Kelantan khususnya kaya dengan pelbagai punca tarikan kepada pelancong. Antara keindahan pantai yang menarik dan menjadi tumpuan pelancong utama di Malaysia seperti Pantai Port Dickson yang terletak di Negeri Sembilan dan Pantai Cahaya Bulan, Pantai Irama, Pantai Seri Tujoh, Pantai Bisikan Bayu, Pantai Melawi dan Pantai Tok Bali di negeri Kelantan. Keindahan pantai tersebut telah menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Isu yang harus di ambil kira ialah apakah faktor sebenar yang boleh menarik pengunjung untuk datang di kawasan pantai sebagai destinasi pelancongan mereka? Justeru itu, adakah pantai yang menarik, persekitaran yang nyaman dan wujudnya kemudahan infrastruktur yang baik atau disebabkan oleh faktor lain yang membolehkan pelancong datang ke pantai yang dinyatakan. Berasaskan kepada kepentingan industri ini daripada sudut ekonomi yang meningkat adalah penting untuk membuat kajian untuk mengenalpasti faktor utama kedatangan pelancong ke kawasan pantai. Pantai Cahaya Bulan telah di pilih dalam kajian ini sebagai tarikan pelancongan pantai. Perkara yang ditanya terhadap responden adalah mengenai latarbelakang responden dan penilaian responden ke atas ciri spesifik dan ciri generik yang terdapat di Pantai Cahaya Bulan tersebut.

### OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan perbincangan terhadap pelbagai isu di atas. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk:-

- i. Meneliti latarbelakang mereka yang berkunjung ke kawasan Pantai Cahaya Bulan.
- ii. Meneliti faktor kedatangan pelancong ke kawasan pantai.
- iii. Menilai ciri spesifik yang terdapat di Pantai Cahaya Bulan.
- iv. Menilai ciri generik yang di sediakan di Pantai Cahaya Bulan.
- v. Memberi cadangan yang perlu bagi menaiktaraf kawasan pelancongan pantai.

### LOKASI KAWASAN KAJIAN

Pantai Cahaya Bulan (Moonlight Beach) merupakan pantai yang terkenal di negeri Kelantan dan ianya terletak kira-kira 10 km dari Bandar Kota Bharu. Pantai Cahaya Bulan (PCB) juga merupakan kawasan pendaratan tentera Jepun untuk menyerang British semasa perang dunia kedua. Mengikut sejarahnya, pantai ini dinamakan Pantai Cinta Berahi (Passionate Beach), suatu nama yang dikatakan diberi oleh seorang asar British ketika dia berada di pantai semasa Perang Dunia II. Pada masa itu katanya askar tersebut menderita kerana cintanya tidak berbalas. Sesetengah orang tempatan masih menggunakan nama lama ini pada hari ini. Biar pun pada umumnya kebanyakan orang suka merujuk kepada pantai PCB.

Pesisiran pantai ini adalah sejauh 1.2 kilometer. PCB ini terkenal kerana kawasannya yang panjang dan lebar, dengan pasir yang cantik dan air yang jernih. Deretan pokok ru dan kelapa menambah cantik lagi pantai ini. Justeru itu, PCB telah menjadi tempat perkelahan yang popular bagi orang tempatan dan pelancong asing. Pantai ini lengkap dengan kemudahan untuk para pengunjung sama ada dari dalam atau luar negara. Terdapat pelbagai pilihan hotel dari 4 bintang hinggalah 3 bintang seperti Perdana Resort dan PCB resort, terdapat juga chalet, kawasan perkhemahan, kedai makan dan gerai serta kemudahan tandas awam dan tempatletak kereta yang teratur.

Perjalanan ke pantai ini dari Kota Bharu akan membawa pengunjung melalui pekan Melayu tradisional yang kebanyakannya menjalankan industri kraftangan yang penting di negeri ini untuk percetakan batik, penenunan songket, pembuatan layang-layang serta barangan loyang. PCB terkenal antara pantai yang tercantik di Kelantan dan merupakan tempat keramaian penting untuk pertemuan keluarga dan kawan. Pantai ini bukan sahaja bergantung kepada keindahan air nya yang biru bahkan kerana tersedianya kemudahan yang lengkap di pantai ini. Selain daripada kemudahan asas ianya juga terdapat hotel 4 bintang dan 3 bintang, tandas awam dan restoran. Terdapat juga kemudahan sukan air dan bot untuk di sewa dan kemudahan lain yang utama.

### SKOP KAJIAN

Jumlah responden bagi kajian ini terhad kepada mereka yang bercuti di kawasan pelancongan PCB, Kota Bharu, Negeri Kelantan Darul Naim. Sejumlah 150 responden yang berkunjung di kawasan PCB pada bulan Disember 2017 di pilih secara rawak. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden meliputi maklumat diri responden, tahap kepuasan terhadap kawasan percutian, tahap kepuasan terhadap ciri-ciri generik dan ciri-ciri spesifik yang terdapat di kawasan pantai PCB. **Rajah 1** menunjukkan peta lokasi Pantai Cahaya Bulan (PCB).

## KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa penulisan yang telah dilakukan oleh penyelidik lain sebelum ini berkenaan kawasan pantai. Antara adalah seperti:-

Norihan Ramli (1987) dengan kajian tesis beliau bertajuk “Perkembangan Aktiviti Pelancongan Di Port Dickson”. Dalam kajian tesis tersebut beliau mengutarakan usaha oleh pihak kerajaan tempatan perlu untuk membangunkan industri pelancongan di Negeri Sembilan. Penyelidik mengandaikan projek-projek yang dijalankan seolah-olah mencerminkan ‘penawaran boleh melahirkan permintaannya sendiri’ dengan pelaburan yang besar dalam jangkamasa pendek dan pulangan yang memuaskan dalam jangkamasa panjang. Kajian beliau juga menyentuh persoalan kesan negatif serta positif kesan daripada projek, dan permasalahan isu pelancongan di Negeri Sembilan pada masa hadapan.

Clara A. Gunn (1988), dalam bukunya yang bertajuk ‘Tourism Planning’, beliau menyatakan bahawa sesuatu tempat pelancongan muncul adalah disebabkan oleh faktor tarikan tempat tersebut. Terdapat banyak faktor tarikan menyebabkan pelancong datang ke sesuatu kawasan itu. Penyelidik juga menyatakan tarikan bagi setiap tempat pelancongan ia di jangka oleh potensi pelancong dan pada masa yang sama memberi dorongan kepada pelancong untuk datang. Ini bermakna perkara utama pada pandangan pelancong ialah terhadap tahap kepuasan dan faedah yang mereka dapati daripada sesuatu tempat pelancongan itu. Perkhidmatan pelancongan yang baik akan mendorong pelancong untuk datang ke tempat pelancongan yang boleh memberi faedah dan kepuasan terhadap nilai masa dan wang mereka.

Berdasarkan kajian Muhundhan a/l Mayappan (1992) dalam kajiannya bertajuk “Perkembangan Industri Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes di Negeri Sembilan”. Mengikuti kajiannya dan mendapati pembangunan tempat-tempat bersejarah, dan penganjuran pelbagai program dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke Negeri Sembilan. Mana-mana projek pembangunan yang dijalankan sama ada berkaitan secara langsung atau tidak dengan sektor pelancongan dapat menarik lebih ramai pelancong datang ke Negeri Sembilan. Justeru itu, mengikuti kajian beliau pembangunan projek pembangunan yang berkaitan dengan pelancong sekiranya di bangunkan secara lebih teratur akan dapat menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke Negeri Sembilan.

Jurnal yang bertajuk “Sustaining Quality in Tourism Destinations: An Economic Model with an Application” Keane (1996), beliau menyatakan dan mempertahankan kualiti yang baik di sesuatu tempat pelancongan membolehkan reputasi sesuatu tempat itu kekal menjadi tempattumpuan. Mengikuti kajiannya, mengekalkan dan mempertahankan kualiti yang baik merupakan satu strategi yang dinamik dalam menentukan keadaan persaingan pada masa hadapan.

Sedangkan mengikuti, Chadee dan Mattsson (1996), dalam jurnalnya bertajuk “An Empirical Assessment of Customer Satisfaction in Tourism” beliau menyatakan bahawa faktor tahap kualiti yang disediakan adalah faktor signifikan berbanding faktor lain dalam kajiannya.

Kajian LeBlane, G (1992) yang bertajuk “Factors Affecting Customer Evaluation of Services Quality in Travel Agencies: An Investigation of Customer Perception” menyatakan persepsi pelancongan terhadap tahap kepuasan mereka dan mendapati faktor yang berkait dengan tahap kepuasan adalah kesopanan penjual perkhidmatan, layanan yang mesra daripada penjual dan kemudahan yang disediakan lengkap serta mudah digunakan oleh pelancong adalah penting.

Mengikuti dapatan kajian Sufahani, S.F, *et al.*, (2013) dalam penyelidikannya yang bertajuk “An Analysis of International Tourist Behaviour Toward Tourism Sector in Kelantan” menyatakan secara semulajadi negeri Kelantan mempunyai potensi dan kecantikan semulajadi dan boleh dibangunkan sebagai sumber tarikan pelancongan utama. Ini termasuklah keindahan pantai yang terdapat di Kelantan seperti Pantai Cahaya Bulan, Pantai Bisikan Bayu dan National Park Kuala Koh. Pelbagai kebudayaan dan kesenian utama juga terdapat di Kelantan, seperti Dikir Barat, Keretok, Rebana Ubi dan lain-lain.

Pada pandangan pengerusi kualiti perkhidmatan pelancongan dan World Tourism Organisation iaitu, Henryk Handszuh (1995) menyatakan dalam seminarnya bertajuk “Concepts and Application of Quality in Tourism”, menyatakan perlunya faktor asas untuk perkhidmatan yang berkualiti kepada pelancong. Justeru itu, beliau mencadangkan kepada mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengambilkira kemudahan infrastruktur dikawasan pelancongan. Faktor asas tersebut menurut beliau ialah mengenai keselamatan dan jaminan kualiti pelancongan, kebersihan tempat dan keadaan rupa bentuk semulajadi keselamatan pelancong.

Hasil kajian penyelidikan Remali Yusoff *et al.* Dalam kajiannya bertajuk “Lessons Learned from a Planning of Kota Bharu Waterfront City Centre (2012)”, menjelaskan pentingnya kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti jalinanjalanraya yang baik, kemudahan sistem pengangkutan, kemudahan perkhidmatan dan sistem perbandaran yang teratur dalam menentukan kehadiran pelancong ke sesatu kawasan pelancongan.

Mengikuti kajian penyelidikan Remali Yusoff, *et al.*, (2015) dalam kajiannya bertajuk “Lessons Learned from a Planning of Kota Bharu Waterfront City Centre -A Revisited”, menyatakan tentang betapa pentingnya kemudahan perkhidmatan pelancongan seperti hotel, pusat membeli belah dan kemudahan rekreasi untuk menarik pelancong ke kawasan pelancongan.

Berdasarkan kajian penyelidikan Remali Yusoff, *et al.*, (2017) yang bertajuk “Faktor Tarikan Pelancongan Pantai: Kajian kes Pantai Irama, Bachok, Kelantan”, menyatakan tentang betapa pentingnya kemudahan perkhidmatan pelancongan seperti hotel, restoran, dan kemudahan rekreasi untuk menarik pelancong ke kawasan Pantai Irama.

## METODOLOGI KAJIAN

**i) Sampel.** Kajian ini telah menggunakan 150 responden yang di pilih secara rawak ke atas responden yang berkunjung ke PCB, Kota Bharu pada Disember 2017. Antara soalan yang dikemukakan adalah meliputi latarbelakang responden seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, pekerjaan, bermalam atau sebaliknya. Mengapa mereka memilih PCB sebagai destinasi pelancongan pantai dan termasuklah juga ciri-ciri generik dan spesifik yang terdapat di PCB, Kota Bharu, Kelantan.

**ii) Pemprosesan data.** Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif dengan menggunakan SPSS. Hasil kajian ditunjukkan adalah berbentuk carta pai, graf dan juga jadual.

## HASIL KAJIAN

**i) Peraturan Kedatangan Pelancong Mengikuti Umur.** Responden kajian yang dilakukan di kawasan PCB adalah berumur 2 hingga 60 tahun. Berikut merupakan peraturan kedatangan pelancong mengikuti umur. Berdasarkan kepada **Carta Pai 1** di atas menunjukkan bahawa 40 peratus daripada yang datang ke kawasan PCB adalah mereka dalam lingkungan umur 20-40 tahun dan mereka kebanyakannya terdiri daripada golongan dewasa. Manakala sebanyak 15 peratus adalah mereka dalam lingkungan umur 40 hingga 60 tahun. Selain daripada itu dikalangan kanak-kanak ialah mereka yang berumur dalam lingkungan 2 hingga 10 tahun ialah 30 peratus. Daripada kajian ini kita dapati majoriti pelancong yang datang ke PCB adalah dikalangan dewasa iaitu ibu bapa yang membawa anak-anak mereka berjalan ke pantai.

**ii) Jantina.** Graf 1 menunjukkan bilangan responden mengikuti jantina pelancong yang datang ke PCB, Kota Bharu, Kelantan. Graf 1 menjelaskan bahawa sebanyak 50 orang lelaki dan 100 orang perempuan yang dipilih sebagai responden. Ini menunjukkan pelancong yang datang ke PCB ialah majoriti daripada golongan lelaki, tetapi perbezaan antara golongan lelaki dan perempuan adalah tidak begitu ketara.

**iii) Berkeluarga dan Belum Berkeluarga.** Graf 2 menunjukkan bilangan responden mengikuti berkeluarga dan belum berkeluarga. Daripada graf tersebut menunjukkan bilangan yang telah berkeluarga merupakan golongan majoriti yang datang ke PCB iaitu 120 berkeluarga dan 30 yang belum berkeluarga. Ini menunjukkan PCB merupakan kawasan percutian yang sangat sesuai bagi golongan yang telah berkeluarga. Ianya amat sesuai untuk dijadikan tempat aktiviti beriadah dan berkelah bersama anak-anak.

**iv) Perbelanjaan Pelancong.** Jadual 1 menunjukkan jumlah perbelanjaan pelancong yang berbelanja di kawasan PCB, Kota Bharu, Kelantan. Daripada Jadual 1 menunjukkan kebanyakan pelancong berbelanja di antara RM201.00-RM300.00 (50%). Mereka yang berbelanja lebih daripada RM401.00 hanya 14 peratus sahaja. Kesimpulan yang didapati bahawa kebanyakan pelancong berbelanja dalam lingkungan RM201.00-RM300.00 semasa berkunjung ke PCB. Ini menunjukkan perbelanjaan yang diperlukan untuk melancong ke PCB tidak memerlukan kos yang tinggi. Ini amat bersesuaian bagi pelancong tempatan yang datang dari kawasan sekitar PCB tersebut.

Jadual 1: Jumlah Perbelanjaan Pelancong

Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bilangan	Peratus (%)
RM0.00-RM100.00	32	21%
RM101.00-RM200.00	10	7%
<b>RM201.00-RM300.00</b>	<b>75</b>	<b>50%</b>
RM301.00-RM400.00	12	8%
Lebih daripada RM401.00	21	14%
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100%</b>

**iv. Pelancong Bermalam dan Tidak Bermalam.** Graf 3 menunjukkan pelancong yang bermalam dan tidak bermalam di PCB. Daripada **Graf 3** didapati kebanyakan pelancong yang mengunjungi PCB adalah tidak bermalam 60 responden. Ini berkemungkinan kerana kebanyakan pelancong yang datang ke PCB adalah terdiri daripada pelancong tempatan yang tinggal berhampiran dengan kawasan pantai tersebut yang dalam lingkungan 50 kilometer. Manakala selebihnya 90respondenadalah bermalam di PCB. Ini menunjukkan pelancong yang bermalam disitu merupakan yang datang daripada jauh atau luar daerah dari kawasan PCB Kota Bharu, Kelantan.

#### v. Faktor utama Kunjungan Pelancong ke Pantai Cahaya Bulan

Daripada **Jadual 2** di bawah, jelas menunjukkan bahawa di antara sebab utama pelancong datang ke PCB kerana kemudahan yang lengkap 38.0 peratus dan ianya berhampiran dengan kawasan tempat tinggal iaitu 26.7 peratus. Ini menunjukkan pelancong utama yang datang ke PCB adalah dikalangan pelancong asing dan penduduk tempatan sendiri. Antara faktor tarikan lain adalah disebabkan pantai yang menarik iaitu 16 peratus menyebabkan pelancong berminat untuk datang ke PCB. Tidak ketinggalan jugafaktor kerana pantai yang menarik dan penginapan yang selesa merupakan penyumbang tarikan pelancong datang iaitu 16.0 peratus dan 14.0peratus.

Jadual 2: Faktor Kedatangan Pelancong ke Pantai Cahaya Bulan

Faktor Berkunjung	Bilangan	Peratus (%)
Pantai yang menarik	24	16.0(%)
<b>Kemudahan yang lengkap</b>	<b>57</b>	<b>38.0 (%)</b>
Penginapan selesa	21	14.0(%)
Berhampiran dengan kawasan tempat tinggal	40	26.7(%)
Nilai wang yang berpatutan	8	5.3(%)
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100 (%)</b>

#### vi. Ciri-ciri Generik

Jadual 3: Ciri-ciri Generik Pantai Cahaya Bulan

Ciri-ciri Generik	Peratusan Bersetuju (%)
Mudah sampai ke destinasi	96%
<b>Terdapat kemudahan asas yang lengkap</b>	<b>98%</b>
Bergerak dikawasan sekitar dengan mudah	95%
Menawarkan pelbagai kemudahan untuk aktiviti	80%
Kualiti penginapan yang berpatutan	85%

Jadual 3 menunjukkan ciri-ciri generik di PCB. Kajian mendapati sebanyak 98 peratus menyatakan terdapat kemudahan asas yang lengkap di kawasan PCB, manakala 96 peratus menyatakan mudah untuk sampai ke destinasi, diikuti 85 peratus mengatakan kualiti penginapan yang berpatutan. Manakala mudah bergerak dikawasan sekitar 95 peratus dan 80 peratus kerana berjaya menawarkan pelbagai kemudahan untuk aktiviti. Daripada kesemua jumlah peratusan tersebut menunjukkan PCB mempunyai ciri-ciri generik yang amat menarik dan mempunyai daya tarikan yang tinggi dalam sektor pelancongan pantai di Kota Bharu. Justeru, PCB amat sesuai dijadikan tempat pelancongan pantai yang utama di Kelantan.

**vii. Ciri-ciri Spesifik.** Jadual 4 menunjukkan tentang pendapatresponden tentang ciri-ciri spesifik. Kebanyakan mereka bersetuju iaitu 92peratus mengatakan bahawa PCB adalah bersih. Manakala 97 peratus mengatakan PCB mempunyai persekitaran pantai yang menarik. Selain itu, 91 peratus memberikan pendapat PCB mempunyaipersekitaran pantai yang selamat. Diikuti 98 peratus berpendapat aktiviti yang terdapat PCB mempunyai aktiviti pantai yang menarik. Disokong juga dengan aktiviti sukan laut yang berkualiti dan mempunyai ekosistem yang menarik menyumbang kepada 95peratus dan 67 peratus.

Jadual 4: Ciri-ciri Spesifik Pantai Cahaya Bulan

Ciri-ciri Spesifik	Peratus (%)
Pantai yang bersih	92%
Persekitaran pantai yang menarik	97%
Persekitaran pantai yang selamat	91%
<b>Aktiviti pantai yang menarik</b>	<b>98%</b>
Sukan laut yang berkualiti	95%
Ekosistem yangberkualiti	67%

**viii. Kepuasan Responden Keseluruhan.** Daripada Jadual 5 jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhan didapati 23.3 peratus daripada responden berpuashati, manakala 42.7 peratus lagi mengatakan perlu dilakukan perubahan. Walau bagaimanapun, jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden berpuashati dengan kemudahan yang terdapat di PCB tetapi mereka berpendapat perlu dilakukan perubahan supaya dapat meningkatkan lagi kualiti pelancongan pantaibagi memastikan lebihramai lagi pelancong memilih pantai sebagai destinasi pelancongan mereka.

Jadual 5: Kepuasan Responden secara Keseluruhan

Kepuasan Responden	Bilangan	Peratus (%)
Baik	51	34.0(%)
Berpuas hati	35	23.3(%)
<b>Perlu perubahan</b>	<b>64</b>	<b>42.7(%)</b>
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100 (%)</b>

#### Kesimpulan dan Cadangan

**Kesimpulan.** Pelancongan merupakan salah satu sumber utama pendapatan negara terutamanya bagi negara yang mempunyai sumber alam semulajadi dan keindahan alam semulajadi yang banyak. Kedatangan pelancong asing ke Malaysia khususnya telah banyak membantu dalam meningkatkan pendapatan negara daripada segi pertukaran matawang asing,maka sektor pelancongan perlu diperluaskan. Hasil perkembangan pesat sektor pelancongan di kawasan tersebut akan menjadikan kawasan tersebut sebagai pusat pelancongan yang terkenal dan dikenali secara umum.

Justeru itu, membantu negara Malaysia untuk dikenali di mata dunia kerana kekayaannya daripada segi keindahan serta pemandangan yang menarik serta semulajadi.Justeru itu, dalam usaha kerajaan merancang strategi bagi membangunkan sektor pelancongan ini kepada skala yang lebih luas, hasil kajian yang diperolehi daripada soal selidik mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang harus dipertimbangkan dari aspek perlaksanaan dasar-dasar kerajaan, sama ada kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan di kawasan pelancongan pantai di PCB, Kota Bharu, Kelantan mendapati pembangunan yang lebih terancang perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan jumlah kedatangan para pelancong ke kawasan tersebut. Bagi mencapai matlamat tersebut, ianya memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah para peniaga, pemilik-pemilik restoran dan hotel, serta juga resort. Ini jelas melalui soalan soal selidik yang telah dijalankan, di mana daripada segi peratusan dan jumlah pelancong yang datang kebanyakan adalah yang berumur 15-24 tahun dan kebanyakan mereka terdiri daripada golongan pelajar iaitu pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (UA) dan Swasta (US).

Daripada hasil soal selidik ke atas kepuasan responden terhadap percutian dan kualiti ekosistem secara umumnya mereka berpuashati dengan kemudahan yang ada di PCB. Hasil kajian juga mendapati mereka yang datang ke PCB adalah yang berkeluarga dan masih bujang. Ini boleh menjelaskanbahawa mereka yang datang ke PCB adalah bertujuan untuk beriadah dan bercuti bersama keluarga dan rakan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan pada umumnya kebanyakan mereka yang berkunjung ke PCB adalah golongan muda dan mereka peringkat pertengahan umur. Kebanyakan mereka berpuashati dengan ekosistem dan kemudahan yang ada di PCB. Walaupun begitu, mereka yang datang menginap di kawasan pantai tersebut adalah sedikit. Ini berkemungkinan berlaku kerana kebanyakan mereka datang ke PCB adalah bertujuan untukberiadah bersama keluarga dan kawan-kawan.

Tambahan pula sebahagian besar yang mengunjungi adalah mereka yang tinggal berdekatan dengan PCB tersebut.

**Cadangan.** Berdasarkan kepada dapatan kajian, beberapa cadangan dapat di ketengahkan untuk memastikan pelancongan pantai (Pantai Cahaya Bulan) dapat dinaiktaraf sebagai destinasi pelancongan yang popular. Di antara cadangan tersebut ialah:-

- Meningkatkan dan menaiktaraf serta memelihara keindahan dan persekitaran PCB. Justeru itu, kebersihan kawasan pantai merupakan faktor penting dalam mengekalkan keindahan dan pemandangan yang menarik kawasan PCB bahkan untuk kawasan pantai yang lain. Kebersihan adalah di antara faktor penting untuk pelancong tempatan dan antarabangsa untuk berkunjung dikawasan pantai. Justeru itu, tanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan keindahan pantai adalah merupakan tanggungjawab bersama semua pihak samaada pengunjungnya, pihak berkuasa tempatan, kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan.
- Memperluaskan lagi kemudahan infrastruktur di kawasan pelancongan terutamanya di PCB kerana kemudahan yang baik dan sempurna akan menentukan jumlah kedatangan pelancong. Kemudahan tersebut seperti menyediakan kemudahan jalinan lebuh raya yang sempurna dan selamat untuk memudahkan pelancong untuk akses ke tempat pelancongan seperti di PCB. Kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan perlulah berganding bahu memainkan peranan masing-masing bagi memperkenalkan dan meningkatkan destinasi kawasan pelancongan di Kelantan dan Malaysia.
- Mempromosi kawasan pelancongan secara meluas dan berkesan. Memberi pembangunan yang lengkap di sesuatu kawasan pelancongan salah satu proses memperkenalkan kawasan pelancongan. Ini seperti yang telah dibuat oleh kerajaan Malaysia terhadap Pulau Langkawi. Dengan promosi besar-besaran dan pembangunan yang lengkap terhadap Pulau Langkawi kini Langkawi terkenal sebagai salah satu destinasi pelancongan utama bukan sahaja di Malaysia, bahkan di peringkat ASEAN. Justeru itu, semua pihak berwajib seperti kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan Kementerian Pelancongan perlu memainkan peranan utama dalam menjayakan program penggalakkan pelancongan domestik dan antarabangsa di Malaysia.


#### Rujukan

- Brown, G., (1992). Tourism and Symbolic Consumption. In; Johnson, P., Thomas, B.(Eds), Choice in Demand in Tourism. Mansell, London, pp. 57-71.
- Clara A. Gunn., (1988). Tourim Planning. Second Edition. New York: Taylor and Francis.
- Chadee, D. D., and Mattson, J., (1996). An Empirical Assessment of Customer Satisfaction in Tourism, The Services Industries Journal, Vol. 16, July, 1996, pp. 305-320.
- Keane, M. J., (1996). Sustaining Quality in Tourism Destination: An Economic Model 45-53.
- Kementerian Pelancongan Malaysia (atas talian) <http://www.motour.gov.my/>
- LeBlane, G., (1992). Factors Affecting Customer Evaluation of Service Quality in Travel Agencies: An Investigation of Customer Perception. Journal of Travel Research, (spring), pp. 10-16.
- Muhundhan a/l Mayappan., (1992). Perkembangan Industri Pelancongan di Malaysia. Kajian Kes Di Negeri Sembilan, Kertas Ilmiah, Fakulti Ekonomi, Uniersiti Kebangsaan Malaysia.
- Norihan Ramly., (1987). Perkembangan Aktiviti Pelancongan Di Port Dickson, Kertas Ilmiah, Fakulti Ekonomi, Universti Kebangsaan Malaysia.
- Remali Yusoff, *et all.*, (2012). Lessons from the Planning of Kota Bharu City Centre -The Waterfront City Centre of Kota Bharu. Proceeding of BIMP EAGA, 2012. BIMP-EAGA Conference 2012, pp. 1-13.
- Remali Yusoff & Yun, W. S., (2015). Lessons Learned from a Planning of Kota Bharu Waterfront City Centre -A Revisited. Malaysian Journal of Business and Economics. Vol. 2, No. 2, 2015, pp. 23-40.
- Remali Yusoff & Kamdar, Nor Azurah., (2017). Faktor Tarikan Pelancongan Pantai: Kajian Kes Di PantaiIrama, Bachok, Kelantan. Dalam "International Conference on Economics (ICE2017), FakultiPerniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, UMS, Vol. 1, No. 1, 2017, pp. 1-13.


Song, H. & Li. G., (2008). Tourism Demand and Forecasting -A Review of Recent Research. Tourism Management 29, pp. 203-220.

Sufahani, S.F, *et all.*, (2013). An Analysis of International Tourist Behaviour Toward Tourism Sector in Kelantan. Prosiding Seminar Kebangsaan Aplikasi Sains and Matematik 2013 (SKASM2013) Batu Pahat, Johor, 29-30 October 2013, pp. 151-163.


#### Lampiran




Rajah 1: Peta Lokasi Pantai




Carta Pai 1: Peratusan responden yang datang mengikut umur



Graf 1: Bilangan Responden Mengikut Jantina



Graf 2: Berkeluarga dan Belum Berkeluarga



Graf 3: Bilangan Pelancong yang Bermalam dan Tidak Bermalam